

Kosmo 5/4/2011 MS 2.

Penyamun dijel kerana imej CCTV

Oleh FIRDAUS HASSAN
firdaus.hassan@kosmo.com.my

AMPANG JAYA - Pembongkaran *Kosmo!* pada Januari tahun lalu mengenai kegiatan sekumpulan empat lelaki bersenjata parang dan kapak yang menyamun sebuah klinik di pinggir ibu negara membuahkan hasil apabila tiga daripada suspek disumbat ke dalam penjara selama enam dan tujuh tahun. Mereka juga dihukum sebat.

Penyamun bergelar Penjahat Empat Jahanam itu amat ganas apabila mereka tanpa belas kasihan mengutip mangsa-mangsa di klinik tersebut sebelum melarikan barang-barang berharga. Mereka merompak pada 7 Disember 2009.

Kosmo! yang membuat pendedahan berterusan bermula pada 2 Januari 2010 dengan menyiarkan imej kejadian rompakan yang diambil daripada kamera litar tertutup (CCTV) di klinik tersebut membantu siasatan polis apabila seorang demi seorang suspek ditahan sebelum mereka dihadapkan ke mahkamah.

Suspek pertama ditahan oleh polis Caewangan Jenayah Berat (D9) Selangor pada 6 Januari 2010 di sebuah restoran di Jalan Klang Lama dekat sini manakala tiga lagi suspek ditahan di sebuah rumah di Pasir Puteh, Kelantan dua hari kemudian.

Keempat-empat suspek itu kemudian diserahkan kepada polis Ampang Jaya.

Selepas disiasat dan diserahkan kepada polis di beberapa daerah lain untuk tujuan membantu siasatan beberapa kes jenayah, tiga lelaki itu buat pertama kali dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ampang pada 17 Mac 2010 namun seorang lagi suspek dibebaskan selepas polis mendapati dia tidak terlibat.

Mereka yang didakwa ialah Zulkefly Jamuin, 28, Mohd. Hafizzudin Abdullah, 20, dan Mohd. Azri Saidin, 22. Zulkefly dan Mohd. Azri merupakan penganggur manakala Mohd. Hafizzudin pula ber-



SUSPEK pertama yang ditahan di sebuah restoran di Jalan Klang Lama pada 6 Januari 2010.



KERATAN *Kosmo!* 2 Januari 2010.

tugas sebagai pekerja pemasaran.

Ketiga-tiga suspek itu didakwa mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan kerana menyamun seorang doktor dan empat pekerja klinik serta seorang pesakit pada pukul 2 petang 7 Disember 2009.

Antara yang disamun ialah sebuah iPhone, lima buah telefon bimbit jenama Nokia, CSL, Motorola, wang tunai RM725, seutas rantai dan gelang emas serta dua utas jam tangan yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM10,000.

Zulkefli lebih awal menerima hukuman penjara tujuh tahun dan tiga sebatan selepas dia mengaku bersalah ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azwarnida Affandi pada 19 Ogos 2010. Ketika itu, Mohd. Hafizzudin dan Mohd. Azri kekal mengaku tidak bersalah.



TIGA suspek ditahan ketika sedang bersembunyi di sebuah rumah di Pasir Puteh, Kelantan. Mereka ditangkap selepas dua hari suspek pertama masuk perangkap polis.

Bagaimanapun, mangsa rompakan itu kini boleh menghela nafas lega apabila Mohd. Hafizzudin dan Mohd. Azri telah dijatuhi hukuman penjara enam tahun dan 12 sebatan selepas menukar pengakuan kepada bersalah ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Roszianayati Ahmad di mahkamah yang sama pada 16 Mac lalu.

Mereka dikenakan hukuman penjara enam tahun bagi setiap enam pertuduhan tetapi Roszianayati menetapkan hukuman itu berjalan serentak bermula dari tarikh mereka ditangkap pada 8 Januari 2010.

Kedua-dua tertuduh yang kini meringkuk di Penjara Sungai Buloh, Selangor diwakili peguam Datuk Taqiyuddin Yahya manakala pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Noor Husnita Mohd. Radzi.

INFO Kes-kes jenayah melibatkan rakaman CCTV

29 Jun 2010 - Polis menahan seorang wanita warga Indonesia selepas dia membuang bayi yang baru lahir di Taman Sri Pulai 3, Sikamat, Rasah. Dia ditahan selepas polis melihat rakaman CCTV yang berada di kawasan bayi itu dibuang.

11 Disember 2009 - Tiga lelaki dan seorang wanita warga Arab menggunakan teknik pukau sebelum melarikan barang kemas bernilai RM1 juta di sebuah kedai emas berhadapan Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu. Polis dapat mengenal pasti mereka selepas melihat rakaman CCTV di kedai itu.

23 Jun 2009 - Lima lelaki warga Arab memukau pekerja sebuah kedai emas dan melarikan barang kemas RM50,000 di Kuantan. Kelibat mereka dilihat dalam CCTV premis itu.

20 Mei 2009 - Dua penjenayah cedera ditembak dalam cubaan menculik seorang lelaki dalam satu kejadian di SS20/10, Petaling Jaya. Menerusi satu rakaman CCTV polis mendapati salah seorang daripada suspek yang ditembak itu didapati terlibat dengan kejadian samun di Puncak Alam, Shah Alam.

30 Mac 2009 - Tiga lelaki ditahan selepas menyamun warga China di sebuah hotel di Bentong. Suspek ditahan dengan bantuan pengecaman CCTV di hotel terbabit.

4 November 2008 - Dua lelaki berketurunan Turki dan Iran serta seorang wanita berketurunan Turki ditahan kerana dipercayai terlibat dengan kes tipu. Suspek dikenali selepas imej mereka dirakam CCTV di sebuah premis di Paka, Dungun.

23 Oktober 2008 - Seorang wanita ditahan kerana meletupkan sebuah mesin pengeluaran wang automatik (ATM) di sebuah bank di Bandar Kinrara, Puchong. Dia ditahan selepas imejnya dirakam CCTV.

9 Julai 2008 - Kelicikan satu kumpulan 'hantu bagasi' yang aktif mencuri beg-beg mangsa di terminal KL Sentral tumpas setelah dua rakyat Peru ditahan. Suspek ditahan selepas polis melihat rakaman CCTV di situ.



Rakaman kamera tidak diragui, sah 100 peratus

KUALA LUMPUR - Antara sebab mengapa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) harus dipercayai ialah ia begitu sah sah itu hampir 100 peratus benar, kata penganalisis jenayah, Kamal Affendi Hashim.



MOHD. BAKRI



KAMAL AFFENDI

Menurut beliau, imej yang timbul itu tidak boleh diubah memandangkan ia menceritakan bentuk fizikal suspek dan gerak geri seseorang daripada semua sudut pandangan depan, belakang dan tepi.

"Justeru, sesuatu imej yang dirakamkan itu tidak seharusnya



IMEJ Penjahat Empat Jahanam yang dirakam CCTV sebuah klinik di Ampang, Selangor pada 7 Disember 2009.

nya diragui. Satelit di angkasa juga merupakan salah satu CCTV yang merakam segala aktiviti di galaksi dan ia sentiasa dipercayai," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambahnya, meskipun CCTV yang digunakan mempunyai resolusi yang rendah te-

tapi alat itu masih boleh merakam gerak geri seseorang.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin berkata, bantuan rakaman CCTV yang diperoleh di lokasi kejadian kini dijadikan asas utama un-

tuk membuktikan kesalahan penjenayah.

Katanya, setakat ini rakaman CCTV telah membantu pihaknya menyelesaikan hampir 60 peratus kes yang disiasat.

"Selain bukti-bukti lain yang diperoleh di lokasi kejadian, CCTV juga membantu kita mengesan ketepatan waktu kejadian, mengenal pasti penjenayah dan melihat bagaimana jenayah itu dilakukan," katanya yang memberitahu rakaman CCTV menjadi bukti kukuh jika penjenayah didakwa.

Tambahnya, penggunaan CCTV perlu diperluaskan bukan sahaja di premis perniagaan tetapi di jalan-jalan dan lebuhraya.

"Pemasangan CCTV di lebuhraya dapat membantu polis menyelesaikan kes kemalangan. Terdapat juga rakaman yang disalurkan terus kepada balai polis bagi membantu kita menjalankan siasatan," katanya.



1 TIGA daripada empat lelaki memasuki sebuah klinik di pinggir Kuala Lumpur.

2 SEORANG lagi menyusul tidak lama kemudian.

3 SEORANG daripada penjenayah melompat di atas kaunter pendaftaran sambil menghunus parang.

Kosmo 2/4/2011 Ms 3

Semua kejahatan dalam gambar ini dirakam CCTV



4 KEMUDIAN seorang lagi mengekori dari belakang.



5 LELAKI berbaju putih bersenjatakan kapak dipercayai ketua kumpulan turut melompat ke dalam kaunter pendaftaran.



KUALA LUMPUR - Rakaman aksi samun oleh empat lelaki bergelar Penjahat Empat Jahanam bersenjatakan parang dan kapak ketika merompak sebuah klinik di pinggir ibu kota pada 7 Disember 2009 begitu jelas dilihat dalam kamera litar tertutup (CCTV) di premis tersebut.

Berdasarkan rakaman tersebut, keempat-empat suspek terbahit mula memasuki premis yang mempunyai empat jururawat dan seorang doktor pada pukul 2.35 petang. Mereka masuk seorang demi seorang dengan berpura-pura hendak mendapatkan rawatan.

Ketika itu, keadaan klinik

tu sudut untuk mengeluarkan parang dan kapak yang disembunyikan di dalam sebuah beg.

Sebaik mereka memegang senjata, dua daripada mereka bertindak memanjat kaunter sebelum menyerang dan mengugut dua jururawat di situ dengan menggunakan parang.

Kesemua pekerja termasuk pesakit kemudian diarahkan berkumpul di dalam bilik rawatan dan diberi amaran tidak membuat bising jika tidak mahu di-

Seorang Penjahat 4 Jahanam dijel

Bekas Timbalan
KERATAN Kosmo!
20 Ogos 2010.

11 MANGSA kemudian diikat sebelum keempat-empat lelaki itu meninggalkan klinik.



10

KETUA kumpulan mengambil barang berharga daripada mangsa.



9

PARA penjenayah ini mengarahkan mangsa menyerahkan barang berharga.

agak sibuk dengan tiga jururawat dan doktor sedang merawat seorang pesakit wanita berusia dalam lingkungan 40-an manakala seorang jururawat menjaga kaunter.

Seorang suspek berbaju kemeja putih yang dipercayai ketua kumpulan tersebut dilihat sebagai orang pertama yang memasuki premis tersebut sebelum berpura-pura hendak ke tandas.

Dia kemudian telah mengarahkan tiga rakannya masuk sebelum pergi ke sa-



8

SEORANG daripada penyamun menunjukkan kapak kepada mangsa yang diikat agar tidak melawan.

pa-apakan. Selepas mengambil kesemua barang berharga milik keenam-enam mangsa dan wang di klinik, mereka kemudian telah mengikat tangan dan mulut kesemua mangsa dengan pita pelekat sebelum melarikan diri.

Selepas laporan *Kosmo!* mulai 2 Januari 2010 yang dibantu dengan gambar-gambar CCTV yang disiarkan ini, kumpulan penjenayah itu berjaya ditangkap. Mereka kemudian mengaku bersalah sebelum dihukum penjara dan sebat.



6

KAUNTER kosong kerana semua pekerja klinik diarah duduk di satu sudut. Seorang lelaki memijak pekerja yang ditolak ke lantai.



7

DUA daripada mereka mengikat pekerja klinik sementara dua lagi dipercayai mencari barang berharga.